



MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK PERPUSTAKAAN UNIVERSITI (JKIP)

Mesyuarat JKIP Kali Pertama Bil. 1/2017 telah diadakan pada 2 Mac 2017 di Bilik Sidang, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam. Jawatankuasa JKIP adalah badan utama dalam pengurusan perpustakaan yang berperanan membentuk dasar dan polisi Perpustakaan UiTM secara keseluruhan.

Keanggotaan JKIP dipengerusikan oleh Naib Canselor dan Ahli Jawatankuasa terdiri daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), empat (4) orang Wakil Gugusan (Sains Perubatan, Sains & Teknologi, Sains Sosial & Kemanusiaan, Perniagaan & Pengurusan), Pengarah Hal Ehwal Kurikulum, Pengarah Infostruktur dan dua (2) orang Ahli Senat. Perkara yang dibincangkan merangkumi hal ehwal pengurusan perpustakaan, bahan rujukan, perkhidmatan dan repositori institusi universiti.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI KELAB 1 MALAYSIA PARLIMEN LEMBAH PANTAI & SEGAMBUT KE PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (UTAMA)

Oleh : Pn. Adlina Abdullah &
Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar



**Jumlah Pelajar:
59 orang pelajar
Tarikh: 28 Mac 2017
Masa: 9.30 pagi
3.00 petang**

Pada 28 Mac 2017 (Selasa), Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menerima kunjungan lawatan sambil belajar dari Kelab 1 Malaysia Parlimen Lembah Pantai & Segambut ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (Utama). Objektif utama lawatan adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar suasana pembelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Ia juga bagi memberi galakan dan motivasi kepada pelajar Sekolah Menengah untuk meningkatkan pencapaian akademik bagi mencapai cita-cita dan menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi di IPTA.



Parlimen Segambut		Parlimen Lembah Pantai	
SMA KL	13 orang	SMK Bkt Bandaraya	7 orang
SMK Seri Hartamas	7 orang	SMK Sri Pantai	11 orang
SMK Tmn Bkt Maluri	7 orang	SMK Bangsar	7 orang
SMK Segambut	7 orang		
Jumlah	34 orang	Jumlah	25 orang



Lawatan ini telah dikendalikan oleh Tuan Haji Ahmad Faizar (Pustakawan Kanan) serta Puan Adlina Abdullah (Pustakawan Kanan) dari Jabatan Pengurusan Perpustakaan dan jurugambar, Puan Rostinah Mujir. Lawatan ini telah dibawa melawat ke Aras 2, 3, 4 serta Galeri PTAR bagi memberi pendedahan dan penerangan berkaitan kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan Tun Abdul Razak. Ucapan penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada warga PTAR yang telah memberikan kerjasama secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan lawatan tersebut.

LAWATAN PENANDAARASAN PENERBITAN PHOTOBOOK KE PERPUSTAKAAN UITM KAMPUS JASIN, MELAKA

Oleh : Pn. Adlina Abdullah



Bersempena dengan Projek Penerbitan Photobook Ketua-Ketua Pustakawan ITM/UiTM, Bahagian Penerbitan dan Pameran serta Bahagian Komunikasi Korporat Perpustakaan UiTM Tun Abdul Razak (PTAR) telah mengadakan Lawatan Penandaarasan penerbitan photobook ke Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin pada 8 Mac 2017. Pihak kami mengucapkan terima kasih kepada En. Mohd Ismail, Pustakawan Kanan, Perpustakaan UiTM Kampus Jasin dan staf, kerana sudi memberi tunjuk ajar dan kerjasama sepanjang lawatan.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk:

1. Membuat penandaarasan proses penerbitan photobook dengan Perpustakaan UiTM Kampus Jasin yang telah berjaya menghasilkan 10 buah photobook berkenaan aktiviti perpustakaan dan UiTM Kampus Jasin, Melaka.
2. Mengetahui proses membuat photobook
3. Mengadakan perbincangan bagi membantu melicinkan proses kerja photobook



Objektif Penerbitan Photobook Ketua-Ketua Pustakawan ITM/UiTM ini adalah bagi:

1. Menghargai jasa dan budi Ketua-Ketua Pustakawan ITM/UiTM.
2. Merakam segala memori peristiwa yang telah berlaku sepanjang perkhidmatan Ketua-Ketua Pustakawan ITM/UiTM.
3. Menjadi wadah komunikasi dan sumber informasi pada masa hadapan.



PAMERAN MELAKAR PERISTIWA SEJARAH ITM/ UiTM CAWANGAN

Oleh : Pn. Adlina Abdullah



Bahagian Penerbitan & Pameran PTAR Shah Alam telah mengadakan pameran Melakar Peristiwa Sejarah ITM/ UiTM Cawangan. Sebanyak 9 poster dan gambar-gambar Kampus ITM/ UiTM dari Koleksi Arkib Universiti, UiTM Shah Alam telah dipamer sepanjang pameran ini berlangsung. Lakaran kisah penubuhan ITM/UiTM merupakan satu naskah penting susur galur penubuhan dan perkembangan kampus-kampus cawangan ITM/UiTM.

Pameran ini bertujuan untuk merakam segala memori yang telah berlaku sepanjang peristiwa penubuhan kampus-kampus tersebut dalam lipatan sejarah universiti. Persiapan pameran ini telah dilakukan oleh staf Jabatan Pengurusan Perpustakaan PTAR.




Pameran ini diharap dapat dapat dijadikan sumber rujukan eksklusif kepada warga UiTM, khususnya kepada generasi akan datang.



KUNJUNGAN KE RUMAH MANTAN KETUA PUSTAKAWAN

Oleh : Pn. Adlina Abdullah



Pada 30 Mac 2017 (Khamis), wakil daripada Jabatan Pengurusan Perpustakaan, PTAR telah berkunjung ke rumah Mantan Ketua Pustakawan PTAR diketuai oleh Pn. Adlina Abdullah, Pn. Juliana Hamdan dan En. Shahrul Hairry Shaharuddin. Kunjungan tersebut adalah untuk menemubual dan mendapatkan gambar-gambar Pn. Hajjah Paiza Idris bagi projek Photobook Ketua Pustakawan. Projek Photobook Ketua-Ketua Pustakawan adalah untuk merakam memori dan mengenang jasa budi Ketua-Ketua Pustakawan PTAR.

Ucapan penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Pn. Hajjah Paiza dan keluarga atas kesudian menerima kunjungan dan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam penerbitan photobook Ketua-Ketua Pustakawan PTAR.



AMALAN 5s PTAR

Oleh : Pn. Adlina Abdullah

Amalan 5S merupakan satu kaedah pengurusan yang dipelopori oleh pihak industri di Jepun bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, kemas dan selamat. Amalan 5S adalah antara usaha PTAR untuk memantapkan pengurusan pejabat bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan seiring dengan langkah-langkah transformasi perkhidmatan awam.



Objektif :

1. Mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan
3. Memperkukuhkan Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan/Agensi
4. Menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja



Bahasa Jepun	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
Seiri	Sort	Sisih
Seiton	Set in order	Susun
Seiso	Shine	Sapu
Seiketsu	Standardise	Seragam
Shitsuke	Sustain	Sentiasa Amal

Biro Jawatankuasa 5S PTAR 2017/2018
Biro Jawatankuasa 5s PTAR 2017/2018 yang telah dilantik semasa Mesyuarat 5s Bil 1/2017 pada 17 Mac 2017 adalah seperti berikut:

- i. Biro Audit
- ii. Biro Aktiviti
- iii. Biro Promosi

Perancangan Aktiviti 5s tahunan ialah:

- a. Lawatan 5S (Benchmark)
- b. Audit 5s
- c. Taklimat / Kursus 8S MPC

Pelantikan Ahli Jawatankuasa Kecil 5S
Ahli Jawatankuasa Kecil 5s akan dilantik di setiap bahagian/Jabatan PTAR. Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan perlu menyediakan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Nama Kumpulan 5S
- ii. Sudut 5S
- iii. Carta Organisasi 5S
- iv. Carta Gantt Tahunan
- v. Fail 5S
- vi. Album 5S (perlu ada gambar 'SEBELUM & SELEPAS' aktiviti 5S)

TEMUDUGA PEMBANTU PUSTAKAWAN

Oleh : Pn. Adlina Abdullah



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan sesi temuduga jawatan Pembantu Pustakawan (S19) pada 30 Mac 2017 di Bilik Seminar, Perpustakaan Tun Abdul Razak. Seramai 21 orang calon telah terpilih untuk sesi temuduga, Panel Temuduga tersebut di ketuai oleh En. Mohamad Hamidi bin Mohd Jais (Timbalan Ketua Pustakawan). Panel temuduga yang lain terdiri daripada Pn. Hani Liza Norfin (Pustakawan Kanan), Cik Zalifah Awang Zakaria (Pustakawan Kanan) dan En. Mohamad Lotfi Mokhtar (setiausaha panel temuduga). Calon temuduga perlu menjalani ujian bertulis dahulu sebelum sesi temuduga dijalankan.



LATIHAN PENGGUNAAN DASHBOARD EXECUTIVE INFORMATION SYSTEM (EIS) PERPUSTAKAAN UiTM

Oleh : Pn. Adlina Abdullah

Bahagian perancangan Strategik , Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan Latihan Penggunaan Dashboard Executive Information System Perpustakaan UiTM selama tiga (3) hari iaitu pada 13 Mac hingga 15 Mac 2017 di Pusat IT , Perpustakaan Undang-undang, UiTM Shah Alam.

Ceramah untuk latihan EIS telah disampaikan oleh Hj. Azizi Bin Hj. Jantan dan dibantu oleh Pn. Zuraidah Md Hassan. Peserta terdiri daripada Moderator Statistik Perpustakaan UiTM.



Antara objektif utama latihan ini adalah untuk:

1. Memantapkan kualiti dan keberkesanan data yang dikumpul pada setiap bulan
2. Penerangan konsep dan memberi latihan penggunaan sistem EIS
3. Menyemak semula data-data statistik PUiTM 2016
4. Memasukkan data tahun 2015 dan 2017 dalam EIS untuk analisa data
5. Membincangkan mekanisma penjana statistik di UiTM cawangan



PROGRAM CINTA ILMU BULAN MAC PERBEZAAN ANTARA HIBAH DAN WASIAT

Oleh : En. Zaidie Bardan

Pada 24 mac 2017, Jawatankuasa Tazkirah PTAR telah mengadakan Program Cinta Ilmu dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam (ACIS), dimana pada majlis ini, Ustaz Mohd Afiz Ahsan telah menyampaikan tazkirah mengenai perbezaan diantara Hibah dan Wasiat, penjelasan yang disampaikan oleh yang berbahagia Ustaz Afiz telah memberikan pencerahan tentang bagaimana seseorang yang tidak mempunyai ilmu pembahagian harta bakal mencetuskan perbalahan di masa yang mendatang. Ilmu mengenai pembahagian harta juga penting bagi memastikan setiap individu yang berkaitan mendapat hak yang sepatutnya.

tazkirah
Program Cinta Ilmu

**Tajuk: Perbezaan
Wasiat & Hibah**

Penceramah:

Ustaz Mohd Hafiz Mohd Hassan
ACIS, UiTM
Shah Alam

24 Mac 2017 (Jumaat)

**WASIAT
&
HIBAH**

Bilik Seminar, PTAR 1



Hibah merupakan tindakan yang dilakukan oleh si pemilik harta dalam membahagikan harta beliau kepada individu yang dikehendaki, dan pembahagian harta tersebut telah dijalankan ketika pemilik harta masih hidup dan boleh diberikan kepada sesiapa sahaja mengikut kehendak pemilik harta berkenaan.

Wasiat merupakan pesanan oleh si pemilik harta untuk diberikan kepada pihak yang beliau kehendaki dan pembahagian harta berkenaan hanya berlaku apabila pemilik harta berkenaan telah meninggal dunia, kadar harta wasiat hanya lah 1/3 daripada harta peninggalan kerana selebihnya harus diberikan kepada zuriat atau pewaris pemilik harta berkenaan.

TAHNIAH DAN SYABAS

Oleh : Pn. Adlina Abdullah

Pengurusan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak ingin mengucapkan **TAHNIAH dan SYABAS** kepada staf perpustakaan P & P yang telah berjaya di dalam kenaikan pangkat secara lantikan dan juga Time-Based dari Gred S41 ke Gred S44. Semoga dengan kenaikan pangkat ini akan memberi inspirasi kepada pegawai-pegawai yang lain untuk terus berusaha gigih dalam melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Pelantikan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan			
1.	Puan Hanani binti Rojikan	S44	PTAR UiTM Shah Alam 
Pelantikan Kenaikan Pangkat Secara Fleksi			
1.	Puan Nor Aishah binti P Mosar	S44	Kekal di Kampus Seremban 3, UiTM Caw. Negeri Sembilan 
2.	En. Mohd Amiruddin Mohd Nasir	S44	Kekal di Kampus Sg. Petani, UiTM Caw. Kedah 
3.	Puan Nur Azian Azis	S44	Kekal di Kampus Dengkil, UiTM Caw. Selangor 

KURSUS PERALIHAN ISO 9001: 2008

Oleh : Pn. Aznur Umiza Abu Kassim

Kursus Peralihan ISO 9001:2008 anjuran Bahagian Pengurusan Kualiti telah diadakan pada 16 Mac 2017 di Bilik Seminar, PTAR. Objektif kursus ini adalah memberi pendedahan perubahan ISO versi 2015 dan mendapat kefahaman mengenai pengurusan risiko dalam perpustakaan. Kursus ini telah dihadiri oleh semua staf Pengurusan dan Profesional dari PTAR Shah Alam dan PTAR UiTM Cawangan Selangor. Tuan Hj. Mohd. Ramli Mohd. Daud selaku penceramah telah memberi penerangan pengenalan ISO 9001:2015, terminologi baharu, prinsip sistem pengurusan kualiti terkini, perubahan ketara ISO 9001:2015, pemikiran berasaskan risiko dan pendekatan proses.



AUDIT DALAM BIL. 1/2017

Audit Dalam PTAR Bil. 1/2017 telah dilaksanakan selama 2 hari iaitu pada 21-22 Mac 2017. Tema audit kali ini adalah 'Akauntabiliti Melestari Kecemerlangan Perkhidmatan'. Skop pengauditan pula adalah menjurus pada Proses Perolehan dan Perkhidmatan Perpustakaan. Semua lokasi terlibat dalam audit ini iaitu semua bahagian dan perpustakaan fakulti di PTAR Shah Alam serta PTAR UiTM Cawangan Selangor. Seramai 28 auditor telah dilantik untuk melaksanakan tugas-tugas pengauditan.




LATIHAN SISTEM PENGURUSAN e-PELAPORAN (SePADU)

Oleh : Pn. Aznur Umiza Abu Kassim



Latihan SePADU telah diadakan pada 23 Mac 2017 di Pusat IT, PTAR. Latihan ini bertujuan untuk menambah baik laporan audit dalam sedia ada agar ia mudah difahami dan bertepatan dengan keperluan ISO 9001:2008. Selain itu, auditor dalam turut berkongsi ilmu untuk menulis laporan audit dalam yang baik agar mudah dirujuk pada masa akan datang.



BENGGEL PEMANTAPAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN PUIiTM (BENGGEL 4P)

Oleh : Pn. Jaz Norfazuna Binti Jaafar

Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Perkhidmatan Perpustakaan PUIiTM (Bengkel 4P) pada 6 dan 7 Mac 2017 yang lalu. Bengkel 4P ini adalah merupakan perancangan tahun 2016 yang menasaskan kepada penglibatan perpustakaan kampus cawangan dengan memberikan fokus kepada aspek perkhidmatan perpustakaan. Bengkel yang telah dijalankan selama dua hari di Bilik Seminar, Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam ini telah dihadiri seramai 45 orang pustakawan dari seluruh perpustakaan kampus cawangan.



Bengkel 4P telah dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Encik Noor Hidayat Adnan, Ketua Pustakawan, Perpustakaan UiTM, diikuti dengan taklimat bengkel serta penerangan hala tuju pemantapan perkhidmatan perpustakaan oleh Encik Jamalludin Sulaiman, selaku Ketua Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan. Slot perbincangan berkaitan aspek perkhidmatan rujukan dan sirkulasi juga telah dibincangkan di dalam bengkel ini. Dengan penganjuran Bengkel 4P ini, diharapkan ia dapat memperkasakan peranan staf perpustakaan serta meningkatkan keyakinan diri dalam membimbing pelanggan melalui penggunaan bahan dan perkhidmatan perpustakaan yang cekap dan berkesan.

Tujuan utama Bengkel 4P ini diadakan adalah untuk;

- i. Mengadakan perbincangan secara aktif dan komprehensif yang memberi fokus kepada aspek perkhidmatan rujukan, sirkulasi dan perkhidmatan-perkhidmatan berasaskan IT.
- ii. Menyelaraskan beberapa perkara utama yang melibatkan polisi, dasar dan pelaksanaan perkhidmatan perpustakaan.
- iii. Menyelaraskan dan memastikan petunjuk prestasi utama (KPI) perkhidmatan PUIiTM mencapai sasaran dengan membincangkan beberapa strategi pelaksanaan.
- iv. Menyelaras dan membincangkan pelaksanaan untuk mencapai sasaran inisiatif- inisiatif Perancangan Strategik PUIiTM utama yang berkaitan dengan perkhidmatan



TAKLIMAT ORIENTASI PERPUSTAKAAN MAC 2017

Oleh : Pn. Siti Aishah binti Sadan

Pada 7, 14 dan 24 Mac 2017 yang lalu, Bahagian Perkhidmatan Akademik telah menjalankan Taklimat Orientasi Perpustakaan kepada pelajar baharu di Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Akademi Pengajian Bahasa (APB) dan Fakulti Sains Gunaan (FSG). Taklimat orientasi telah dikendalikan oleh Puan Siti Aishah Sadan dan dibantu oleh Encik Mohd Syazwan Hamzah. Sesi yang berlangsung selama satu jam ini telah memberi pendedahan kepada pelajar mengenai koleksi bahan perpustakaan, perkhidmatan, dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak kepada para pelajar UiTM.



Tarikh: 7 Mac 2017 (Selasa)
Tempat: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Peserta: 130 orang

Tarikh: 14 Mac 2017 (Selasa)
Tempat: Akademi Pengajian Bahasa (APB)
Peserta: 150 orang



Tarikh: 24 Mac 2017 (Jumaat)
Tempat: Fakulti Sains Gunaan (FSG)
Peserta: 250 orang



MAJLIS PERSARAAN KETUA JABATAN JPBP

Oleh: Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah



Jabatan Pembangunan Bahan Perpustakaan, PTAR telah mengadakan Majlis Persaraan Pn. Baimah Bujang (Timbalan Ketua Pustakawan) yang akan bersara secara pilihan pada Bulan Mei 2017. Majlis diadakan pada 17 Mac 2017 (Jumaat) di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam yang dihadiri oleh semua staf Bahagian Pembangunan Sumber Bercetak, Bahagian Pemprosesan Teknikal dan Bahagian Pengurusan Terbitan Bersiri & Sumber Elektronik.

Staf JPBP mengucapkan Selamat Bersara kepada Pn. Baimah Bujang. Semoga beliau sentiasa sihat dan dipermudahkan segala urusan.



BENGKEL PENYEDIAAN POLISI PENGURUSAN ARKIB UNIVERSITI

Oleh: En. Mohd Hazrul Mohd Hussin

Bengkel Penyediaan Polisi Pengurusan Arkib Universiti telah diadakan pada 07 – 08 Mac 2017 anjuran Jabatan Arkib Universiti. Peserta yang terlibat untuk bengkel ini adalah Ahli Jawatankuasa Pengurusan Rekod UiTM yang terdiri daripada pensyarah dari Pengurusan Rekod, Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana iaitu Profesor Madya Dr. Aliza Ismail, Dr. Saiful Fariq Mat Yatin, Puan Nik Azliza Nik Ariffin, Encik Abdul Rahman Ahmad, Encik Kamarul Azwan Azman, Encik Jafalizan Md. Jali, dan Pegawai dari Jabatan Arkib Universiti.



Antara tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah untuk memastikan prinsip dan amalan pengurusan rekod UiTM diselaras mengikut polisi dan garis panduan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Selain daripada itu, ia juga untuk memastikan kawalan secara intelektual dan fizikal ke atas penerimaan/pemerolehan, penyusunan, penyimpanan, pemeliharaan dan penggunaan bahan arkib untuk memudahkan bahan tersebut diakses serta dirujuk sekaligus menjadikan pengurusan rekod dan arkib yang cekap, sistematik dan berkesan di Jabatan.

LAWATAN MASUK DARI WAKIL PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Oleh: En. Mohd Hazrul Mohd Hussin



Pada 6 Mac 2017, Jabatan Arkib Universiti telah menerima lawatan daripada Universiti Malaysia Sabah yang diwakili oleh Encik Zawawi Tiyunin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan. Kedatangan beliau telah disambut baik oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Jabatan Arkib Universiti, Encik Ariffin Jamaludin. Tujuan lawatan ini adalah sebagai penandaarasan dan perbincangan mengenai pengalaman dalam pengurusan rekod dan arkib di UiTM untuk digunapakai di Universiti Malaysia Sabah.



Antara perkara-perkara lain yang dibincangkan adalah mengenai Polisi UiTM berkenaan rekod, jenis-jenis rekod yang disimpan, proses pelupusan & dasar pemisahan, dan keperluan asas & ruang penyimpanan rekod yang telah disampaikan oleh Encik Ariffin Jamaludin. Encik Zawawi telah dibawa untuk melihat proses kerja di Jabatan Arkib Universiti dan berkesempatan untuk melihat koleksi bahan yang ada di Bilik Rekod Jabatan Arkib Universiti. Semoga lawatan ini dapat memanfaatkan lagi pengurusan rekod dan arkib di Universiti Malaysia Sabah.

LAWATAN MASUK DARI PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT

Oleh: En. Mohd Hazrul Mohd Hussin



Pada 14 Mac 2017, Jabatan Arkib Universiti telah menerima lawatan dari Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Lawatan yang diketuai oleh Puan Maznah A. Hamid, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dan diiringi oleh dua orang staf dari Unit Arkib iaitu Encik Mohd Hafiz Kasirun, Pustakawan Kanan dan Puan Mastiah Ibrahim, Pembantu Pustakawan bertujuan untuk memahami dengan lebih jelas berkenaan dengan Pengurusan Rekod dan Arkib di Kampus Cawangan yang telah dibentangkan oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Jabatan Arkib Universiti, Encik Ariffin Jamaludin. Antara objektif lain lawatan adalah berkenaan peranan serta senarai tugas Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan di cawangan.



Para pelawat turut diberi penerangan mengenai proses kerja Pengurusan Rekod & Arkib dan seterusnya ke Bilik Rekod Jabatan Arkib Universiti untuk melihat cara penyimpanan dan koleksi bahan yang ada di dalam bilik tersebut.

BENGGEL PENGEMASKINIAN FAIL MEJA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN FASA 2 DAN 3

Oleh: En. Rodi b. Daud

Pada 3 Mac dan 17 Mac 2017 telah selesai bengkel tersebut yang diadakan pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari di Bilik Seminar dan Bilik Komputer Perpustakaan. Ianya di kendalikan oleh Encik Mohd Fauzi Md Zain Ketua Unit Perkhidmatan Pelanggan. Antara perkara utama yang dibengkelkan ialah perincian semua peraturan pentadbiran di Bahagian F yang samada berkaitan dengan proses kerja di Bahagian G atau peraturan-peraturan yang tersembunyi yang tidak didokumenkan termasuk syarat-syarat, panduan-panduan, cara guna jenis-jenis peralatan berkaitan proses kerja.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR PENUNTUT UNIVERSITI HATYAI, SONGKHLA PROVINCE, THAILAND



Seramai 10 pelajar universiti swasta tersebut telah melawat sekitar kampus pada Rabu 15 Mac 2017 dan hadir ke perpustakaan pada jam 11.45 pagi. Mereka diberikan taklimat oleh Encik Mohd Fadhli Samsudin Ketua Unit Perkhidmatan Maklumat. Bagi pertemuan pihak pengurusan di antara Rektor Universiti Hatyai Prof. Madya Dr. Wittawat Diskisarintarayak dengan Rektor UiTM Perlis YBrs. Encik Zailuddin Ariffin diadakan di dalam program berasingan

PENDAWAIAN SEMULA TALIAN TELEFON DAN TAMBAHAN NODE INTERNET

Atas permohonan pihak Perpustakaan, pada 21 Mac 2017 jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, Kontraktor yang dilantik oleh Bahagian Pembangunan Fasiliti telah membuat pendawaian semula talian talipon di seluruh perpustakaan lama serta pemasangan 12 node internet tambahan di kaunter, bilik latihan dan beberapa pejabat bagi keperluan pekerjaan dan perkhidmatan



TAZKIRAH TERBUKA PERPUSTAKAAN BULAN MAC



Tazkirah berkenaan telah berlangsung pada Rabu 29 Mac 2017 jam 3.00 – 5.00 petang bertempat di Bilik Seminar Perpustakaan. Penceramah jemputan ialah Dr. Mohd Nasir bin Abdul Hamid dengan tajuk “Keperibadian Rasulullah S.A.W”. Seramai lebihkurang 20 kakitangan telah hadir dan dilogkan ke jam latihan

LAWATAN SAMBIL BELAJAR PELAJAR MRSM KUBANG PASU, KEDAH

Oleh: Pn. Nurhayati binti Hassan



Pada 10 Mac 2017, Perpustakaan UiTM Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh telah berbesar hati menerima lawatan sambil belajar daripada pelajar-pelajar MRSM Kubang Pasu. Lawatan yang berlangsung selama 2 jam ini dihadiri oleh seramai 45 orang pelajar dan 2 orang pegawai pengiring. Objektif lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan dan infomasi kepada para pelajar mengenai kemudahan-kemudahan dan bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan.



Lawatan ini bermula dengan sesi perengangan ringkas oleh staf perpustakaan di Bilik Tayangan Perpustakaan. Kemudian, para pelajar telah dibawa mela-wat sekitar perpustakaan. Mereka juga telah diberi peluang menggunakan Ruang Santai iaitu merupakan salah satu kemudahan terbaharu perpustakaan.



MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN REKOD NEGERI PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UiTM CAWANGAN KEDAH

Oleh: Pn. Atirah Ruslan



Unit Arkib, Perpustakaan Sultan Badlishah telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Rekod Negeri pada 2 Mac 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Pejabat Rektor UiTM Cawangan Kedah. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat bilangan pertama yang dilaksanakan di bawah kendalian Unit Arkib, Perpustakaan Sultan Badlishah.



Mengumpul dan memperkenalkan barisan ahli Jawatankuasa Keselamatan Rekod Negeri yang telah dilantik secara rasmi dan menyalurkan maklumat mengenai penubuhan Unit Arkib Perpustakaan Sultan Badlishah dan membincangkan beberapa perkara berkaitan seperti lokasi Unit Arkib dan perancangan aktiviti-aktiviti Unit Arkib bagi tahun 2017.

PROMOSI PERPUSTAKAAN – PAMERAN ‘RESEARCH AWARENESS’ PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UiTM CAWANGAN KEDAH

Oleh: Pn. Atirah Ruslan



Unit Perkhidmatan Maklumat, Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah melaksanakan satu program promosi perpustakaan iaitu pameran berjudul Research Awareness. Menyalurkan maklumat kepada pengguna perpustakaan mengenai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan Sultan Badlishah. Perkhidmatan-perkhidmatan ini merangkumi maklumat mengenai koleksi digital perpustakaan.



Pameran Research Awareness ini bakal berlangsung mulai Mac 2017 di ruang pameran, aras 1 Perpustakaan Sultan Badlishah. Selain daripada maklumat mengenai koleksi digital perpustakaan, pameran ini turut mempromosikan brosur-brosur berkaitan penyelidikan untuk pelanggan perpustakaan. Beberapa aktiviti sempena pameran ini akan turut dijayakan, antaranya program Asas Kemahiran Maklumat dan program *Library Outreach*.

MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA KELAB STAF PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH UiTM CAWANGAN KEDAH

Oleh: Pn. Atirah Ruslan




Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah telah menubuhkan Kelab Staf Perpustakaan Sultan Badlishah pada tahun 1998. Penubuhan Kelab Staf PSB ini masih diteruskan sehingga kini. Satu mesyuarat AJK Kelab Staf PSB telah diadakan pada 1 Februari 2017.



Mesyuarat ini telah dilaksanakan di aras 3 Perpustakaan Sultan Badlishah dan dipengerusikan oleh Pengerusi Kelab Staf PSB iaitu Encik Mohd Amiruddin Mohd Nasir. Mesyuarat ini telah berlangsung pada pukul 2.30 petang. Melalui Mesyuarat AJK Kelab Staf PSB ini beberapa aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2017. Jawatankuasa Kelab Staf PSB telah distruktur semula dan setiap ahli jawatankuasa diberi penerangan mengenai tugas masing-masing.

HARI MESRA PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN PERAK BAGI TAHUN 2017

Oleh: Puan Jamilah Md Yusoff



Program Hari Mesra Perpustakaan UITM Cawangan Perak bagi tahun 2017 telah diadakan pada 15 Mac 2017 (Rabu) bertempat di Aras Bawah PTAR UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar. Tetamu Kehormat untuk program Hari Mesra ini ialah Rektor UITM Cawangan Perak iaitu Prof. Madya Sr. Dr. Md. Yusof Hamid'



Antara objektif Program Hari Mesra Perpustakaan UITM Cawangan Perak 2017 ialah:

- i. Menarik minat dan meningkatkan jumlah pengguna perpustakaan untuk menggunakan kemudahan, perkhidmatan dan koleksi yang disediakan oleh perpustakaan secara optimum.
- ii. Menanam budaya membaca dalam kalangan warga kampus.
- iii. Meningkatkan silaturrahim dan komunikasi di antara pelajar dan pihak perpustakaan.
- iv. Menambah ilmu pengetahuan di kalangan pelajar mengenai teknik pencarian maklumat masa kini.

PROGRAM MERAKYATKAN BUDAYA MEMBACA PERPUSTAKAAN AWAM KUALA PILAH yang dirasmikan oleh Dato' Sri Haji Hasan Malek

Oleh: En. Iskandar Zailan



Pada 10 Mac 2017, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah telah menghadiri program merakyatkan budaya membaca yang dianjurkan oleh Perpustakaan Awam Kuala Pilah. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia, Dato' Seri Haji Hassan Bin Haji Malek, Ahli Parlimen Kuala Pilah. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk mendekatkan lagi Perpustakaan Awam Kuala Pilah kepada penduduk sekitar dan memupuk budaya membaca kepada semua lapisan masyarakat.



Perbagai aktiviti yang dijalankan semasa program berlangsung antaranya pertandingan "fashion show" bagi kanak-kanak tadika, pertandingan memasak, cabutan bertuah dan perbagai lagi. Program ini juga adalah untuk merapatkan lagi hubungan antara PTAR dan Perpustakaan Awam Kuala Pilah.

KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT PTAR KAMPUS KUALA PILAH

Pada 14 Mac 2017, Program Kelas Kemahiran Maklumat (KKM) yang dianjurkan oleh PTAR pada bulan ini dijalankan seperti biasa. Pada bulan ini dihadiri oleh pelajar Falkulti Sains Gunaan, AS 201 (Sarjana Muda Kepujian Biologi). Kelas Kemahiran Maklumat ini memberi penerangan tentang cara pencarian maklumat pangkalan data atas talian yang dilanggan PTAR dan penggunaan perisian EndNotes. Kelas ini disampaikan oleh En Mohd Rused-zwan, Pembantu Pustakawan PTAR Kampus Kuala Pilah.



LAWATAN PENANDA ARAS KE UNIT ARKIB UNIVERSITI PERPUSTAKAAN Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang

Oleh: En. Iskandar Zailan




Pada 20 Mac 2017, pihak Unit Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah mengadakan lawatan kerja penanda aras ke Unit Arkib Universiti Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang. Lawatan ini dihadiri oleh lima orang staf Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah & Kampus Seremban. Tujuan lawatan ini untuk melihat proses kerja Unit Arkib Universiti Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang.

Perbagai pengkongsian ilmu telah diberikan semasa lawatan. Pihak PTAR Kampus Kuala Pilah mengucapkan ribuan terima kasih atas layanan dan pengkongsian ilmu yang telah diberikan oleh semua warga kerja Unit Arkib Universiti Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang. Semoga Unit Arkib Universiti Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang terus maju memberi perkhidmatan terbaik kepada UiTM.



SETINGGI TAHNIAH DIATAS KENAIKAN PANGKAT

Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Seremban mengucapkan setinggi tahniah kepada Puan Nor Aishah P. Mosar, Ketua Perpustakaan PTAR Kampus Seremban diatas kenaikan pangkat Pustakawan Kanan (S44). Semoga PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban akan terus cemerlang di bawah kepimpinan beliau.



PROGRAM DERMA BUKU @ BOOK DONATION PTAR

UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Oleh: En. Iskandar Zailan

Kempen Derma Buku @ Book Donation telah diadakan bermula 27 Mac 2017. Ia melibatkan ketiga-tiga kampus iaitu Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban & Kampus Rembau.

Objektif program:

1. Memupuk budaya membaca khususnya di kalangan pelajar dan masyarakat
2. Menyemai amalan budaya perkongsian ilmu
3. Menambah koleksi dan kepelbagaian bahan bacaan
4. Memberi khidmat komuniti kepada masyarakat

Tujuan kempen derma buku ini adalah untuk mengumpulkan buku-buku terpakai dan buku-buku baharu yang akan didermakan kepada Rumah Asnaf Seri Tanjong, Kuala Pilah dan Pusat Sumber Sekolah yang terpilih di sekitar Kuala Pilah, Seremban dan Rembau.

Jenis-jenis buku yang diperlukan adalah seperti berikut:

Buku-buku rujukan (Kamus, Ensiklopedia) | Buku fiksyen remaja | Buku Pendidikan | Buku Motivasi
Buku Agama | Buku rujukan bagi PT3 | Majalah

Warga Kampus boleh menyerahkan buku-buku di kaunter Perkhidmatan Pelanggan dan Pengurusan Koleksi Perpustakaan di setiap kampus UiTM Cawangan Negeri Sembilan.



LIBRARY MAKE OVER PTAR KAMPUS KUALA PILAH

Sepanjang bulan Mac 2017, Warga kerja PTAR Kampus Kuala Pilah telah membuat dekorasi perpustakaan. Aktiviti dekorasi perpustakaan bertujuan menyerikan dan memberi fasiliti yang selesa kepada pengguna. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah:

- **Menyusun atur semula sudut Q**
- **Mengecat pintu masuk dan mengecat Bilik Mesyuarat PTAR.**
- **Ubahsuai ruang perpustakaan**



Selain menyerikan perpustakaan aktiviti ini turut memberi impak kepada warga kerja PTAR kampus Kuala Pilah antaranya semangat kerjasama menjalankan tugas di samping merapatkan silaturahim antara staf. PTAR Kampus Kuala Pilah tetap komited memberi perkhidmatan terbaik dan keselesaan penggunaan diutamakan.

PAMERAN BULANAN PTAR : SERVICES @ PTAR

Oleh: En. Iskandar Zailan



PTAR Kampus Kuala Pilah telah mengadakan pameran bulan Mac yang bertemakan services @ PTAR. Antara kandungan pada pameran kali ini ialah:

- Promosi perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan di PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan
- Penerangan tentang perkhidmatan-perkhidmatan yang terdapat di PTAR.

Pameran ini akan berlangsung selama sebulan dari 17 Mac – 17 April 2017. Pameran ini memudahkan para pelajar mengetahui lebih lanjut tentang perkhidmatan yang ada di PTAR.

SAHABAT PTAR REMBAU



Pada 16 Mac 2017 yang lepas Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Rembau telah bekerja sama dengan para pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat, Kampus Rembau menjalankan aktiviti ubahsuai perabot di PTAR Kampus Rembau. Aktiviti ini meliputi mengalihkan rak buku, Shelves Reading dan sebagainya. Pihak PTAR Kampus Rembau mengucapkan setinggi penghargaan kepada para pelajar dan Dr. Masitah Ahmad, Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan Maklumat, Kampus Rembau kerana sudi membantu menjalankan program ini.

PENERIMAAN BAHAN DI PTAR KAMPUS REMBAU

Oleh: Cik Siti Hajar Zambri

Pada 28 Mac 2017 Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Rembau telah menerima kunjungan dari Bahagian Perolehan PTAR Shah Alam bagi penyerahan beberapa naskah bahan hadiah. Pihak PTAR Kampus Rembau mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Puan Sakmah Bt.Sarif dan En Mohd Farid Bin Mohammed Said atas kerjasama yang diberikan.



MAKMAL KOMPUTER DI PTAR KAMPUS REMBAU KINI BEROPERASI

Pada 30 Mac 2017 PTAR Rembau telah menerima 24 komputer sewaan daripada Pihak InfoTech. Pada 4 April 2017, komputer tersebut telah boleh mula digunakan di Makmal Komputer PTAR Kampus Rembau.



PAMERAN PERPUSTAKAAN : KENALI PERPUSTAKAAN ANDA

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

THE AMAZING RACE : LIBRARY EDITION

KUIZ TAPAK PAMERAN

PANDUAN PENTING

1. Pengertoran TERBUKA kepada staf dan pelajar UiTM Melaka
2. Tarikh tutup pengertoran pada 15 Mac 2017 (sebelum 4.00 petang)
3. Borang Pengertoran disediakan ditapak pameran Perpustakaan UiTM Melaka dan serahan di Kaunter Unit One Stop Center
4. Sila baca langkah selanjutnya di dalam Borang Pengertoran
5. Nama pemenang akan diumumkan di Facebook rasmi Perpustakaan UiTM Melaka (sila add friend @ follow terlebih dahulu)

Sebarang pertanyaan : 0123684761 (Hazlin)
06-5582086 / 2083 (Unit One Stop Center)

Pada 08.03.2017 -16.03.2017, Perpustakaan UiTM Melaka telah mengadakan Pameran Perpustakaan: Kenali Perpustakaan Anda yang bertujuan bagi mempromosikan perkhidmatan sedia ada dan yang terkini di PUiTM Melaka serta meningkatkan kesedaran penggunaan perpustakaan dan kepentingan maklumat yang tepat. Sebanyak 350 pengunjung pameran telah direkodkan dan sepanjang pameran Kuiz berkaitan perkhidmatan perpustakaan juga diadakan.



LAWATAN SEKOLAH MENENGAH ISLAM AI-AMIN BESTARI, MERLIMAU MELAKA

Pada 09.03.2017, Perpustakaan UiTM Melaka telah menerima pelawat dari Sek.Men.Islam AI-Amin Bestari, Merlimau Melaka seramai 30 orang pelajar dan 2 orang guru. Tujuan lawatan diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan pengurusan perpustakaan akademik dan bertukar-tukar informasi selain menanamkan semangat dan motivasi kepada pelajar untuk terus belajar dengan tekun.



THE AMAZING RACE : LIBRARY EDITION

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan

Perpustakaan UiTM Melaka telah mengadakan Program The Amazing Race : Library Edition pada 16.03.2017. Peserta program perlu melengkapkan tugasan di 4 Checkpoint yang telah ditentukan iaitu di Unit Perkhidmatan Pelanggan dan Pengurusan Koleksi, Unit Perkhidmatan Maklumat, Unit Teknologi Maklumat dan Unit Self Access Center. Semua tugasan berkait rapat dengan perkhidmatan perpustakaan. Selain daripada itu Photosnap Slogan juga dipertandingkan bagi tujuan mempromosikan media sosial rasmi Perpustakaan UiTM Melaka

LET'S HAVE SOME FUN !



THE AMAZING RACE

LIBRARY EDITION

VENUE : LIBRARY UiTM (KAG)
DATE : 16 MARCH 2017
TIME : 9:30 AM - 5:00 PM

BOOK STITCHES	WORD THESAURUS
WEB OPAC MIND BLOWING	SHU DAIRUAN
KUIZU	LIVECHAT WITH LIBRARIAN
ROMPECABEZAS	KEYBOARD MASTER

HADIRAH MISTERI KEPADA KUMPULAN YANG BERTUJAH!

DIANGAN UJRA, LAWAJI FACEBOOK GAME, ADO PERPUSTAKAAN UiTM MELAKA

SUBJEK DISIDAKAN!

KATEGORI STAFF & PELAJAR (3 KUMPULAN, 4 ORANG)

JOM SERTAI BERAMBI—RAMBI!

**ANY INQUIRY :
Cik Hazlin Khan - 88888888
Or 88888888 - 88888888**




PAMERAN GRAPHOLUTION 2.0

Perpustakaan UiTM Melaka mengucapkan tahniah dan semoga berjaya kepada Pelajar Semester 02 Program Diploma Seni Lukis Dan Seni Reka (Seni Reka Grafik Dan Media Digital - AD111), Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka ,UiTM Melaka yang sedang mengadakan Pameran Grapholution 2.0 (Pameran dan Penilaian Karya Kreatif Pelajar) di Perpustakaan UiTM Alor Gajah Melaka



PAMERAN TIPOGRAFI DAN MEDIA DIGITAL GRAPHIC

Oleh : Cik Hazlin Ibrahim Khan



Pameran Tipografi dan Media Digital Graphic di ruang Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah pada 27-31 Mac 2017 oleh Pelajar Semester 01 Program Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Grafik Dan Media Digital-AD 111) Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka.

LAWATAN DARI PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN SOSIAL & EKONOMI UMT

Oleh : Cik Ilya Nur Fateen Othman

Pada 03 Mac 2017, Pusat Sumber UiTM (Melaka) Kampus Bandaraya telah menerima lawatan daripada Pusat Pengajian Pembangunan Sosial & Ekonomi Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Lawatan selama 1 jam itu diberikan taklimat ringkas dan lawatan sekitar Pusat Sumber Aras 1 dan Aras 12 yang telah diberikan oleh Puan Siti Haidah Md Aziz dan Cik Ilya Nur Fateen Othman



MINGGU CERIA & SIHAT


MINGGU CERIA & SIHAT
ANJURAN BERSAMA PUSAT SUMBER ARAS 1 & UNIT KESIHATAN
UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA MELAKA
22 & 23 MAC 2017
9.00 A.M

22 MAC

- DERMA DARAH (PUSAT SUMBER ARAS 1)
- STEP UP THE LADDER (TANGGA ARAS 1 MINGGA ARAS 14)
- CERAMAH "BODY WEIGHT MANAGEMENT" OLEH DR. YUSRI BIN SALLEH (BILIK SEMINAR ARAS 14)

23 MAC

- PUSAT SUMBER ARAS 1
- DERMA DARAH
- PROGRAM DERMA-ORGAN
- PAMERAN KESIHATAN



Pada 22-23 Mac 2017, Persatuan Jawatankuasa Pelajar Non- Resident (JPNR) dengan kerjasama Pusat Sumber dan Unit Kesihatan telah menganjurkan Minggu Ceria & Sihat. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan seperti derma darah, pameran kesihatan (HIV & Aids), program derma organ dan kuiz.

Karnival ini dianjurkan sebanyak setahun 2 kali setiap awal semester. Semua pelajar, staf dan juga orang awam dijemput menghadiri karnival ini.

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN PROGRAM MINGGU PEMANTAPAN SISWA

Sesi Mac - Julai 2017

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman



Pada 7 Mac 2017, taklimat perpustakaan bagi Program Minggu Pemantapan Siswa telah diadakan di Auditorium UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Seramai 331 orang pelajar Ijazah baru telah mendaftarkan diri di UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin.

Tujuan taklimat ini diadakan ialah bagi mendedahkan pelajar-pelajar baru dengan kemudahan serta perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan. Di antara cadangan dan maklumbalas yang diberikan oleh pelajar ialah, "*program yang sangat bagus, mudah difahami dan membuat semua tertarik dengan cara penyampaian yang tidak membosankan*", "*saya tak masuk lagi ke perpustakaan, tapi dengar pun dah teruja nak pergi, tahniah pihak perpustakaan*" serta "*sangat memberi informasi dan saya tidak sabar hendak ke perpustakaan, terima kasih kepada pihak perpustakaan*".

LAWATAN PENANDAARASAN DARI BAHAGIAN PENERBITAN & PAMERAN DAN BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT PERPUSTAKAAN UiTM TUN ABDUL RAZAK UTAMA (PTAR SHAH ALAM)

Pada 8 Mac 2017, Bahagian Penerbitan dan Pameran serta Bahagian Komunikasi Korporat Perpustakaan UiTM Tun Abdul Razak (PTAR) telah mengadakan Lawatan Penandaarasan penerbitan photobook ke Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Pihak perpustakaan telah menerima kunjungan daripada PTAR Shah Alam pada jam 10.00 pagi. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk melihat sendiri proses membuat photobook yang diterbitkan oleh Perpustakaan UiTM Kampus Jasin di samping mengadakan perbincangan bagimembantu melicinkan proses kerja tersebut. Diharapkan sesi perkongsian maklumat tersebut dapat membantu dalammelancarkan lagi proses pembikinan photobook.



LIBRARY OUTREACH PROGRAM PART II : JOM PINJAM BUKU

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman

Pada 17 Mac 2017, Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan "Library Outreach Program Part II - 2017 : Jom Pinjam Buku. Program ini telah dilaksanakan di Cafeteria Blok Kuliyah bermula jam 8.30 pagi sehingga 4.00 petang. Program ini dilaksanakan sebagai inisiatif dan kesinambungan dari Siri Pertama yang telah dilaksanakan pada bulan Januari yang lalu. Dengan bertemakan slogan "we bring & you take what you want", kami bawakan buku-buku kepada pengguna supaya mereka dapat meminjam buku tanpa perlu ke perpustakaan. Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengguna terutamanya dalam kalangan mahasiswa serta pensyarah apabila jumlah buku yang telah dipinjam mencapai 134 naskah dalam masa sehari.



PERPUSTAKAAN DENGAN KERJASAMA UNIT KESIHATAN
UiTM CAWANGAN MELAKA
KAMPUS JASIN

JOM PINJAM BUKU

Sila bawa kad pelajar & staf (Untuk Pengesahan)

Tarikh : 16 Mac 2017 (Khamis)
Lokasi : Loby Utama Blok
Kuliyah, UiTM Kampus Jasin

FREE
HIV
TESTING

Pemeriksaan
HIV dan Glukos darah
PERCUMA

pinjaman buku 6 naskah keatas
akan menerima cenderahati eksklusif

50 terawal (khas untuk pelajar)
akan menerima cenderahati

Library Outreach Program
Part 2 2017

#jompinjambuku

PAMERAN KESEDARAN KESIHATAN : VAPE/ROKOK

Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dengan kerjasama Unit Kesihatan Al-Zahrawi telah mengadakan Pameran Kesedaran Kesihatan : Vape/Rokok bermula dari 13- 30 Mac 2017. Bahan-bahan dan maklumat yang dipamerkan merupakan sumbangan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Jasin.

Tujuan utama pameran ini diadakan ialah untuk memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar tentang bahaya serta kesan daripada pengambilan rokok dan vape. Seramai 327 orang pengguna telah melawat ke tempat pameran. Perpustakaan amat berbesar hati dapat bekerjasama dalam mengadakan pameran ini dan berharap kerjasama seperti ini dapat diteruskan lagi.

bulan
KESEDARAN
KESIHATAN

aras 1
PERPUSTAKAAN
UiTM CAWANGAN
MELAKA KAMPUS JASIN

anjuran
PERPUSTAKAAN & UNIT KESIHATAN
UiTM CAWANGAN MELAKA
KAMPUS JASIN


pameran
KESEDARAN
KESIHATAN:
VAPE / ROKOK
13-30 MAC 2017

AKTIVITI
Kempen Derma Darah
Rawatan Pergigian
Saringan Kesihatan
28-29 MAC 2017



KEMPEN DERMA DARAH, SARINGAN KESIHATAN & HIV, PEMERIKSAAN PERGIGIAN DAN KEMPEN DERMA ORGAN

Oleh : Cik Nurayuni Dayana Nor Azman



Pada 28 – 29 Mac, Perpustakaan UiTM Melaka Kampus Jasin dengan kerjasama Unit Kesihatan telah mengadakan Program Derma Darah. Program ini berlangsung selama 2 hari di Ruang Legar Aras 1, Perpustakaan bermula dari jam 9.00 pagi sehingga 4.00 petang. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan staf dan pelajar apabila statistik telah mencatatkan seramai pengguna yang telah mendermakan darah. Di samping itu juga, ujian saringan kesihatan & HIV, pemeriksaan pergigian serta Kempen Derma Organ juga turut mendapat sambutan yang menggalakkan



KUNJUNGAN MESRA DARI BAHAGIAN PEROLEHAN PTAR SHAH ALAM

Pada 28 Mac 2017, Puan Sakmah Sarif, Pustakawan Kanan dari Bahagian Perolehan telah melawat ke Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin bagi menghantar buku-buku hadiah yang akan ditempatkan di Koleksi Waqaf.

Di kesempatan itu, beliau juga telah melawat keseluruhan bangunan Perpustakaan bagi melihat sendiri susun atur dan proses kerja yang telah dijalankan oleh pihak perpustakaan UiTM Kampus Jasin terutamanya proses kerja waqaf. Pihak perpustakaan amat berbesar hati menerima dan menyambut kehadiran beliau.



SESI LAWATAN KERJA & SUAI KENAL BERSAMA REKTOR BARU

UiTM CAWANGAN PAHANG KE PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

Oleh : Pn. Norfitriah Bt Mat Seman



Tarikh 20 Mac 2017 (Isnin) yang lalu Perpustakaan Al-Bukhari menerima Lawatan Kerja dan sesi suai kenal bersama Prof. Dr. Mohd Nazip b.Suratman yang baharu dilantik sebagai Rektor UiTM Cawangan Pahang pada 1 Mac 2017 (Rabu) yang lalu. Taklimat ringkas diberikan oleh Cik Nurfarawaedah bt. Badruesham berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh perpustakaan Al-Bukhari. Lawatan sesi suai kenal dan beramah mesra bersama staf diteruskan selepas taklimat.

Sepanjang sesi pengenalan tersebut banyak idea-idea serta penghargaan yang diberikan oleh Rektor di atas pengurusan yang baik serta kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna.



KEM KEPIMPINAN MOTIVASI PENGAWAS PUSAT SUMBER

Sekolah SMK Hamzah 2017

Oleh: Pn Nordelina Zulkarnain



Program ini adalah kerjasama antara Perpustakaan Tengku Anis dengan Pusat Sumber SMK Hamzah Machang. Kem Kepimpinan Pengawas ini juga melibatkan seramai 106 pengawas pusat sumber dan 5 orang guru pengiring. Seramai 10 orang fasilitator yang terdiri daripada pelajar praktikal Perpustakaan Tengku Anis terlibat dalam menjayakan program ini. Program ini adalah sebahagian daripada usaha kami untuk memberi pendedahan kepada pengawas pusat sumber sekolah tentang peranan dan tanggungjawab mereka sebagai pengawas pusat sumber sekolah




Tujuan utama penganjuran kem kepimpinan pengawas ini adalah untuk memberi panduan dan bekalan kepada semua pengawas pusat sumber dalam memikul dan menghadapi cabaran sebagai seorang pengawas pusat sumber. Antara pengisian yang dijalankan dalam kem kepimpinan ini ialah ceramah, tayangan video, sesi soal jawab dan latihan dalam kumpulan. Sebanyak 3 latihan dalam kumpulan (LDK) yang dijalankan iaitu '**ice breaking**', mencipta menara impian Pusat Sumber Abad ke-21, dan permainan telefon-rosak.

LAWATAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN WAKAF BHARU, KELANTAN

Oleh: Pn. Nordelina Zulkarnain



AKTIVITI EKSA PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS



LAWATAN KAUNSELING KIAS KE PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS

Oleh: Pn. Nordelina Zulkarnain



LAWATAN SEK.KEB. BATU MELINTANG KELANTAN



KURSUS KEPIMPINAN DAN MOTIVASI BERSAMA SEKOLAH MEN HAMZAH 1 MACHANG KELANTAN

Oleh: Pn. Nordelina Zulkarnain



TAKLIMAT & ORIENTASI PTA : TAHU CAKNA & BACA



KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT DAN LIBRARY ORIENTATION

Oleh: Pn. Nordelina Zulkarnain

**KEM-DAN LIBRARY ORIENTATION NEW DEGREE STUDENT 2017
PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS KELANTAN
9. MAC 2017**



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN BERSAMA PELAJAR TAHUN AKHIR

Oleh : Cik Asmahani Abdullah



Pihak Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu telah dijemput sebagai penceramah dalam Seminar Penyelidikan (Tesis) bagi memberi panduan pencarian jurnal melalui pangkalan data atas talian. Seminar ini telah dikendalikan oleh En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan, dan dibantu oleh Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan, bersama Cik Hafsa Mustatafa, Pembantu Pustakawan, dengan memberi penerangan berkenaan akses pangkalan data melalui EZAccess, Datastream, dan asas penggunaan EndNote serta Mendeley.

Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 117 orang pelajar semester akhir Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Kewangan – BM 242, dan Pengurusan Operasi - BM244 semester Mac 2017-Julai 2017 di Dewan Bakawali UiTM Cawangan Terengganu, dan berakhir jam 11.00 pagi.



LAWATAN KERJA KE JABATAN ARKIB UNIVERSITI (JAU)

Oleh: En. Mohd Hafiz Bin Kasirun



Perpustakaan Tun Dr Ismail, UiTM Caw. Johor Kampus Segamat telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Arkib Universiti (JAU), UiTM Shah Alam pada 14 Mac 2017. Delegasi dari PTDI adalah terdiri daripada Pn. Hj. Maznah Binti A Hamid, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PTDI, En. Mohd Hafiz Bin Kasirun, Pustakawan Kanan merangkap Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pn. Mastiah Ibrahim, Pembantu Pustakawan merangkap Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ).



Pihak kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada En. Ariffin Bin Jamaluddin, Timbalan Ketua Pustakawan JAU, Pegawai Arkib, Pustakawan Kanan dan staf-staf JAU yang lain yang sudi menerima kunjungan kami kesana dengan memberikan layanan yang cemerlang oleh tuan/puan semua. InsyaAllah diharapkan jalinan hubungan antara kampus induk dan cawangan akan dipereratkan lagi dimasa hadapan.

Antara objektif lawatan adalah;



1. Memahami dengan lebih jelas berkenaan dengan pengurusan rekod dan arkib di kampus cawangan.
2. Peranan serta tugas Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan di kampus cawangan.

BENKEL FAIL MEJA UiTM CAWANGAN SABAH

Oleh: Cik Marlia Yuming



Bengkel Fail Meja anjuran Unit Latihan UiTM Cawangan Sabah telah diadakan selama 2 hari iaitu pada 20 dan 22 Mac 2017 bertempat di Makmal Kemahiran Maklumat Perpustakaan UiTM Sabah.

Seramai 20 orang staf Perpustakaan UiTM Cawangan Sabah telah terlibat dalam bengkel tersebut.

Melalui bengkel ini, memberi pemahaman yang terperinci kepada pegawai dan staf yang terlibat dalam menyediakan FM yang tepat dan mengikut format yang terkini dan betul.

EKSPLO SELANGKAH KE UiTM CAWANGAN SABAH 2017

Seramai 4 staf PTAR UiTM Cawangan Sabah bertugas di Ekspo Selangkah Ke UiTM 2017 pada 25 dan 26 Mac 2017 (Sabtu & Ahad) yang bertempat di Kompleks Makmal Sains dan Agroteknologi (KOMSAT) UiTM Cawangan Sabah.

Ekspo ini bertujuan memberi gambaran awal dan pendedahan kepada orang ramai mengenai program-program yang ditawarkan di UiTM Cawangan Sabah dengan lebih mendalam.

Selain itu, orang ramai berpeluang mengajukan pertanyaan lebih lanjut kepada kakitangan UiTM dan para pensyarah agar mereka dapat membuat pilihan yang tepat berdasarkan keputusan peperiksaan telah berjaya diperolehi.



BENGGEL PENYEDIAAN DAN PEMANTAPAN FAIL MEJA

Oleh: Pn. Zuraida Abdul Karim



Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Dan Pemantapan Fail Meja pada 8-10 Mac 2016 yang lalu bertempat di Sudut IT PTAR Kampus Samarahan 2. Pn. Norhayati Bt Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan PTAR telah dijemput sebagai penceramah dan telah dihadiri oleh semua staf Perpustakaan.

GOTONG-ROYONG SUKARELAWAN 2.0 WARGA UiTM CAWANGAN SARAWAK



Beberapa orang staf Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak telah mengambil bahagian dalam program Gotong-royong Sukarelawan 2.0 warga UiTM Cawangan Sarawak yang dianjurkan bersama oleh Pejabat Unit Polis Bantuan dan Bahagian Pengurusan Fasiliti. Program tersebut telah berlangsung pada 16 Mac 2017 bertempat di Kampus Samarahan 1.

KEJOHANAN INDOOR GAMES KEKITA UiTM CAWANGAN SARAWAK 2017

Oleh: Pn. Zuraida Abdul Karim



Staf Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak telah menyertai pertandingan yang julung-julung kali dianjurkan oleh Kelab KEKITA UiTM Sarawak iaitu Kejuaraan Indoor Games KEKITA UiTM Cawangan Sarawak 2017. Kejuaraan ini telah diadakan pada 24 Mac 2017 bertempat Pusat Pelajar, Kampus Samarahan 2. Tahniah diucapkan kepada pemenang.

